



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Ruj Kami : JPNPP.800-1/7/ 2 jld 2 (21)

Tarikh : 17 JUN 2025

**SEMUA GURU BESAR
SK/SJKC/SJKT/SABK/SWASTA**

Tuan,

**PERMOHONAN KEMASUKAN AWAL KANAK-KANAK DI BAWAH KOHORT UMUR KE TAHUN
1 KALENDAR AKADEMIK SESI 2026**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan surat Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia no.rujukan: KPM.800-1/1/18JLD.43 (77) bertarikh 03 Jun 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa kanak-kanak di bawah kohort umur (lahir pada 2 hingga 15 Januari 2020) boleh memohon kemasukan awal ke Tahun 1 Kalendar Akademik Sesi 2026 selaras dengan Surat Siaran Kelonggaran Syarat Kemasukan Kanak-Kanak Di Bawah Kohort Umur ke Tahun 1 Rujukan KP(BS/PSR)8502/03/005 Jld 22(10) bertarikh 5 Mac 2003.

3. Sehubungan dengan itu, tuan dimohon untuk membuat hebahan berhubung perkara ini kepada ibu bapa/penjaga di sekolah tuan. Ibu bapa/penjaga boleh mendapatkan Borang permohonan kelonggaran Syarat Kemasukan Kanak-kanak Di Bawah Kohort Umur Ke Tahun 1 (PMA01) di Pejabat Pendidikan Daerah atau di Pejabat Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Permohonan perlu diserahkan terus ke Unit Prasekolah dan Rendah, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang sebelum 29 Ogos 2025.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi En.Muhammad Rizal bin Ahmad di talian 04-6521150. Segala perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(YUSOF BIN SHAARI)

Timbalan Pengarah
Sektor Pengurusan Sekolah
b/p : Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
s.k. Fail berkenaan

PERMOHONAN KEMASUKAN AWAL KANAK-KANAK DI BAWAH KOHORT UMUR KE TAHUN 1 KALENDAR AKADEMIK SESI 2026		
Bil	Perkara	Tarikh
1	Ibu bapa atau penjaga yang sah mengemukakan permohonan ke JPN/PPD menggunakan Borang PMA01	1 Julai - 29 Ogos 2025
2	JPN/JPWP mengeluarkan surat panggilan untuk menduduki modul saringan bertulis	2 September 2025
3	JPN/PPD melaksanakan modul saringan bertulis berpusat	10 September 2025
4	JPN/JPWP memaklumkan keputusan saringan kepada semua pemohon dan surat panggilan temu bual kepada yang melepasi saringan bertulis.	9 Oktober 2025 (Tertakluk kepada perubahan)
5	JPN/JPWP melaksanakan sesi saringan temu bual.	29 Oktober 2025
6	JPN/JPWP menyediakan surat makluman keputusan temu bual, surat tawaran penempatan dan Borang ASBS kepada ibu bapa atau penjaga	19 November 2025
7	Ibu bapa atau penjaga mengesahkan penempatan di sekolah yang ditawarkan	Hari pertama Kalendar Akademik Sesi 2026

**PERMOHONAN KEMASUKAN AWAL KANAK-KANAK DI BAWAH KOHORT
UMUR KE TAHUN 1 BAGI KALENDAR AKADEMIK SESI 2026
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Syarat-syarat Permohonan:

1. Kanak-kanak warganegara Malaysia sahaja.
2. Kanak-kanak yang lahir pada 2 Januari 2020 hingga 15 Januari 2020 sahaja.
3. Tarikh tutup permohonan: 29 Ogos 2025
4. Kaedah permohonan : Mengisi borang permohonan PMA01 yang boleh didapati dari Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri.
5. Kanak-kanak yang memohon perlu menduduki Modul Saringan yang ditetapkan.

Butiran lanjut boleh dirujuk kepada Unit Prasekolah dan Rendah, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah atau sekolah yang berdekatan.